

18 AUG 1998

Mahathir-serangan

SERANGAN SPEKULATIF TELAH MENCAPAI TAHAP BAHAYA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata serangan spekulatif terhadap matawang yang bermula sejak setahun lalu telah mencapai tahap yang berbahaya dan mungkin mendorong negara-negara terbabit menyerang balas.

Bercakap pada perhimpunan perpaduan sempena sambutan Hari Pekerja di sini hari ini, Perdana Menteri berkata jika serangan terhadap matawang dan saham berterusan ke atas negara-negara sedang membangun, ada ketikanya apabila "serangan seumpama itu akan membuatkan negara yang diserang mungkin menyerang balas."

Sebagai contoh, katanya secara berseloroh, Rusia yang kini menghadapi masalah kejatuhan nilai matawang sebanyak 30 peratus akan bertindak balas, dan mungkin terasa teringin menggunakan bom nuklear yang dimilikinya dan dilemparkan kepada orang yang menyerang matawangnya.

Katanya, selain Rusia, Hong Kong juga turut menghadapi masalah kejatuhan pasaran saham, tetapi apabila kerajaan negara itu bertindak membeli saham-saham di pasaran, kerajaan negara itu dituduh sebagai pencabul pasaran saham.

Bagi Malaysia pula, lebih banyak tekanan asing dijangkakan untuk memaksa negara ini meminta bantuan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi tujuan mendedahkan sepenuhnya ekonomi negara ini kepada bank-bank dan syarikat-syarikat asing, katanya.

Sebagai contoh, tekanan yang meningkat ke atas negara ini ialah apabila Malaysia merancang untuk memperolehi dana di luar negara, penarafan kukuh ekonominya telah diturunkan supaya negara ini terpaksa membayar faedah yang tinggi ke atas pinjaman luarnya, katanya.

Katanya, kini kuasa asing terutamanya pedagang matawang mempengaruhi bank-bank asing supaya jangan memberi pinjaman kepada Malaysia dan ini bertujuan memburukkan ekonomi negara ini.

"Jelaslah, mereka bukan menyokong tetapi menyekat usaha-usaha untuk memulihkan ekonomi," katanya.

Dr Mahathir berkata beberapa negara yang matawang mereka diserang telah mengambil langkah yang drastik untuk melindungi ekonomi mereka.

Di Hong Kong, sebagai contoh, kerajaan terpaksa masuk ke pasaran untuk membeli saham, tetapi tindakan itu dituduh mengganggu kuasa pasaran bebas, yang mempengaruhi pasaran saham.

Perdana Menteri berkata di negara-negara yang menerima bantuan IMF, seperti Korea Selatan, Indonesia dan Thailand, ekonomi mereka terpaksa disusun semula sebagai satu daripada syarat bantuan kewangan itu.

Di samping itu, pekerja dibuang dan mereka melancarkan mogok umum kerana tidak mahu kehilangan pekerjaan.

Sekarang, pekerja dipersalahkan kerana mengganggu penyusunan semula ekonomi.

"Mereka juga mempersalahkan sistem ekonomi negara-negara itu kerana tidak mempunyai perlindungan bagi mereka yang diberhentikan kerja," katanya.

Di negara-negara maju, perlindungan seumpama itu diadakan, tetapi Dr Mahathir menegaskan wang itu datang daripada pembayar cukai yang bekerja untuk mencari nafkah hidup mereka.

"Di Timur, keadaan adalah berbeza, kerajaan-kerajaan mahu memberi pekerjaan seumur hidup dan tidak mahu pekerja diberhentikan," katanya.

Dr Mahathir berkata, bagi spekulator penyusunan semula ekonomi tidak

patut disekat dan keuntungan adalah lebih penting daripada masalah sosial.

Katanya Malaysia telah mencapai kemerdekaan sejak 41 tahun lalu dan berjaya membangunkan negara tanpa banyak bantuan asing, tetapi sekarang, spekulator mahu kita kehilangan kemerdekaan, kebebasan dan kedaulatan, katanya.

Selain daripada mahu menentukan ekonomi, mereka juga mahu menentukan siapa patut memimpin negara, katanya.

Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada para pekerja Malaysia kerana kerjasama mereka setakat ini dan tidak menunjuk perasaan, sama ada mogok secara aman, kekerasan atau kecil-kecilan.

-- BERNAMA

AD MR/TCL OS RI